

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 53

Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pembelian Ibu Pejabat Sports Direct di United Kingdom yang dianggarkan bernilai GBP120 juta oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sewaktu Malaysia dikatakan bergelut dengan masalah ekonomi seperti yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian pada 27 Mei 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menyempurnakan pembelian bangunan logistik yang diduduki oleh Sports Direct pada 21 Jun 2019. Pelaburan ini adalah sejajar dengan strategi diversifikasi KWSP yang sentiasa memberi fokus ke atas pulangan berjangka panjang yang berterusan demi kepentingan ahli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap cadangan pelaburan akan melalui penilaian risiko dan proses *due diligence* yang terperinci. Ini bertujuan supaya kepentingan 14 juta ahli KWSP dilindungi dan terpelihara.

Sekian, terima kasih.